

Empat zon pantau penceroboh tanah kerajaan

BH. 10/3/2016
ms. 5

Cameron Highlands: Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands akan membentuk empat zon rondaan dan penguatkuasaan bagi mengatasi kegiatan pencerobohan tanah kerajaan dan hutan simpan.

Pegawai Daerahnya, Datuk A Rahman Hamzah, berkata mengikut pendekatan itu, penguat kuasa di pejabat berkenaan akan dibahagikan kepada empat pasukan bagi melakukan rondaan berkala.

Pasukan itu akan melakukan tugas itu secara bergilir selama tiga hingga enam bulan di setiap zon.

"Kami letakkan setiap pasukan di setiap zon secara bergilir bagi mengelak penguat kuasa ada hubungan rapat dengan pekebun hingga mungkin menjejaskan tindakan mereka terhadap sebarang kesalahan yang dikesan," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, semalam.

Empat zon

Beliau mengulas Ops Gading bagi membanteras pencerobohan tanah kerajaan untuk kegiatan pertanian dan penahanan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang disambung semula di daerah berkenaan, selepas operasi itu dihentikan akhir tahun lalu.

Ops Gading yang diterajui Majlis Keselamatan Negara (MKN), turut membabitkan penugasan anggota polis dan ten-



**"
Kami letak pasukan di setiap zon secara bergilir bagi mengelak penguat kuasa ada hubungan rapat dengan pekebun hingga menjejaskan tindakan mereka terhadap sebarang kesalahan yang dikesan"**

A Rahman Hamzah,
Pegawai Daerah
Cameron Highlands

tera serta beberapa agensi lain bermula 4 Disember 2014.

Operasi besar-besaran memusnahkan tanaman dan struktur di kawasan haram pertanian itu membabitkan kawasan seluas 2,258 hektar atau 85 peratus daripada 2,656 hektar kawasan yang diceroboh.